

03/01/2003

KL hantar bantahan kepada Singapura

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Khamis - Malaysia menghantar memorandum bantahan kepada Singapura kerana tindakan negara jiran itu semakin tidak menyenangkan, termasuk menggunakan tentera lautnya untuk menghalang Polis Marin Malaysia daripada menghampiri Pulau Batu Putih.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata memorandum itu dihantar dua hari lalu, dan bantahan berterusan akan dihantar sehinggalah Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan pulau itu milik siapa.

Katanya, Pulau Batu Putih memang hak Malaysia dan sejarah membuktikannya, sebaliknya menerima dan menghormati apa juga yang diputuskan ICJ nanti.

"Selain itu, Malaysia juga akan sentiasa mengawasi sekitar pulau itu selagi tuntutan berkenaan tidak diputuskan ICJ," katanya selepas merasmikan Seminar Wanita Dalam Era Globalisasi anjuran Biro Hal Ehwal Wanita MAYC, di Hotel Grand Continental di sini, hari ini.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Syed Hamid tidak menganggapnya sebagai amaran keras terhadap Singapura, sebaliknya mengingatkan negara jiran itu lebih mementingkan hubungan dua hala yang sekian lama terjalin.

Katanya, pandangan Perdana Menteri itu menggambarkan sikap sebenar Malaysia yang mahu negara jiran terdekat menguruskan hubungan dua hala dengan baik.

Perdana Menteri dalam kenyataan semalam dilaporkan berkata, Malaysia tidak akan berdiam diri dan akan mempertahankan kedaulatannya jika negara itu melancarkan strategi menjadikan negara sebagai lokasi pertahanan hadapan.

Syed Hamid berkata, Malaysia sentiasa menjaga hubungan baik dengan negara Asean untuk menjamin rantau ini kekal sebagai zon aman, bebas dan berkecuali.

"Tujuan dan matlamat kita amat baik.

"Sebagai negara berjiran, ada banyak kepentingan yang boleh dimanfaatkan kalau kita bekerjasama dan menguruskan persefahaman daripada menimbulkan perkara yang membangkitkan ketegangan dan merenggangkan perhubungan.

"Itu adalah matlamat dan tujuan kita, tetapi kadang-kadang kita kecewa dengan cara, tindakan dan kenyataan Singapura," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhannya Malaysia berpuas hati dengan perhubungan dengan negara Asean, kecuali beberapa isu tertentu.

Bagaimanapun, katanya, itu tidak bermakna Malaysia tidak serasi dengan negara Asean sehingga cuba memainkan peranan bagi menunjukkan negara saja yang baik dan betul.

"Kita akan bersuara apabila ada sesuatu yang dianggap tidak tepat dan tidak kena.

"Secara keseluruhannya Malaysia memainkan peranan positif dalam Asean. Kita juga menyuarakan minat berbaik-baik dengan negara lain, sebab itu mengamalkan dasar memperkayakan jiran," katanya.